

## UMS Meterai Kolaborasi Pintar Bersama Pemain Industri Asas Tani

Terakhir dikemaskini: Khamis, 20 September 2018 15:56 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 197

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 20 SEPTEMBER**  
– Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjalinkan satu kolaborasi pintar bersama agensi kerajaan dan syarikat swasta yang menjadi pemain industri dalam bidang asas tani.

Kolaborasi pintar tersebut yang melibatkan UMS bersama pemain industri

akuakultur, Enrich Marine Sdn. Bhd., Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah dan Yun Fook Resources Sdn. Bhd. dimeterai dalam satu majlis yang berlangsung di Galeri Majlis, UMS baru-baru ini.

UMS diwakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menandatangani dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) bersama JPV Sabah, manakala JPV Sabah diwakili pengarahnya, Ir. Harun Hj Abas.

Prof. Datuk D Kamarudin kemudiannya menandatangani Surat Hasrat (LoI) bersama-sama kedua-dua syarikat, dengan Enrich Marine Sdn. Bhd. diwakili pengarah projek, Wu Lian; dan Yun Fook Resources Sdn Bhd diwakili pengarah urusan, Datuk Yap Yun Fook.

Pemeteraian MoU bersama JPV Sabah menyaksikan pelbagai aktiviti seperti perkongsian haiwan ternakan, guna sama fasiliti makmal dan perkongsian kepakaran dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan dijalankan Fakulti Pertanian Lestari UMS dan JPV Sabah.

Bagi kerjasama dengan Enrich Marine Sdn. Bhd., syarikat itu memperuntukkan RM1 juta untuk kedua-dua pihak terlibat dalam penyelidikan berkaitan udang kara, dengan projek penyelidikan ini akan membangun teknologi penternakan udang kara secara mampan mengguna pakai kemudahan dan kepakaran yang ada di Institut Penyelidikan Marin Borneo, UMS dan Enrich Marine.

Kerjasama bersama Yun Fook Resources Sdn. Bhd. pula menyaksikan UMS melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan akan mengadakan program kerjasama khas universiti-industri untuk membangunkan Projek Ladang Penyelidikan dan Arboretum Germplasma Durian, dengan Arboretum dan ladang penyelidikan durian tersebut akan menempatkan klon hampir sembilan spesies durian dengan sebahagian daripada durian liar tersebut hanya boleh didapati di Sabah dan sekitar Borneo.

Hadir sama menyaksikan pemeteraian kerjasama tersebut Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Dato' Haji Salahuddin Ayub.